

**Tinjauan Respons Pelajar Terhadap Program Akademik Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

***Student Response Review on Academic Bachelor Program of Arabic Language Education as Second Language at International Islamic University Malaysia (IIUM)***

Muhammad Sabri Sahrir<sup>1</sup>, Ilyani Syiham Muhammad<sup>2</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
26 MAC 2019	18 APRIL 2019	22 JULAI 2019

**ABSTRAK**

*Program akademik Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Arab Bahasa Sebagai Bahasa Kedua (TASL) telah ditawarkan di kebanyakan universiti awam (UA) di Malaysia dengan pelbagai struktur pengajian (study plan) bergantung kepada falsafah universiti dan fakulti yang menawarkannya. Kajian ini dijalankan dalam kalangan para pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengambil pengkhususan Pendidikan dalam Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (TASL) daripada tahun 1 hingga 4 di Kulliyah Pendidikan (KOED) bagi mengkaji keberkesanan dan maklum balas para pelajar terhadap program akademik yang telah ditawarkan. Responden kajian ini dipilih daripada kalangan para pelajar Bahasa Arab yang mengambil subjek Metodologi Penyelidikan EDC 3199 dalam semester 2, 2017/2018 dan semester 1, 2018/2019 yang berjumlah 99 orang. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup (close-ended) dan terbuka (open-ended) yang diadaptasi daripada kajian lampau. Secara umumnya, para pelajar berpuas hati dengan penawaran kursus ini di samping turut memberikan cadangan penambahbaikan untuk program ini pada masa hadapan.*

**Kata Kunci:** Program akademik, pengajaran bahasa Arab, pendidikan, penilaian, kurikulum.

**ABSTRACT**

*The academic programme in Bachelor of Education in Teaching Arabic As a Second Language (TASL) has been offered in most public universities in Malaysia with a variety of study plans depending on the university's philosophy and the faculty that are offering the programme. This study was conducted among students of International Islamic University Malaysia (IIUM) who are specializing in education in Teaching Arabic As A Second Language (TASL) from year 1 to 4 in Kulliyah of Education (KOED) to study its effectiveness and students' feedback on the offered academic programs. The respondents of this study were selected among 70 of Arabic students who registered for the course of EDC 3199 in Research Methodology in semester 2, 2017/2018. The employed instrument was a*

<sup>1</sup> Muhammad Sabri Sahrir, PhD Pendidikan, Profesor Madya, Jabatan Bahasa dan Literasi, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia, [muhdsabri@iium.edu.my](mailto:muhdsabri@iium.edu.my)

<sup>2</sup> Ilyani Syiham Muhammad, Master Pendidikan (TASL), Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Al-Quran, CELPAD, Pusat Asasi UIAM Kuantan, [ilyani@iium.edu.my](mailto:ilyani@iium.edu.my).

*questionnaire comprising closed-ended and open-ended questions adapted from previous studies. Generally, students are satisfied with the offering of this course as well as suggesting improvements for the programme in the future.*

**Keywords:** *Academic programme, Arabic language teaching, education, assessment, curriculum.*

## **Pendahuluan**

Sejarah perkembangan bahasa Arab di Malaysia telah bermula sejak agama Islam masuk ke Tanah Melayu iaitu pada kurun pertama Hijrah, selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi, 1963). Kedatangan Islam bersama bahasa Arab sebagai perantaraan dalam urusan ibadat, agama dan pendidikan dalam abad ke-17 Masehi telah menyebabkan masyarakat di Kepulauan Melayu mempelajarinya dalam semua kemahiran bahasa (Abdul Wahab & Nur Shuhadak, 2015). Natijahnya, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu turut melibatkan bahasa Arab yang telah berkembang secara aktif dan diajarkan kepada masyarakat bagi memahami Islam dan menunaikan ibadah (Rosni, 2009). Selain itu, pengaruh bahasa Arab juga didapati telah memartabatkan bahasa Melayu hingga mencapai status bahasa ilmu (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2012). Antara contoh paling jelas bagi membuktikan pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah penukaran penggunaan huruf Sanskrit dengan huruf Arab yang dikenali kemudiannya dengan huruf Jawi, peminjaman kosa kata Arab yang diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam enam kategori dan kecenderungan masyarakat memberikan nama-nama dalam bahasa Arab kepada anak-anak mereka (Abdul Wahab dan Nur Shuhadak, 2015). Kesan-kesan yang dinyatakan sebelum ini merupakan sebahagian daripada impak jelas kemasukan agama Islam dan bahasa Arab ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu dan terus berkembang sehingga kini di Malaysia.

### **Kronologi Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia**

Pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah berubah mengikut zaman dan keperluan semasa. Objektif dan matlamat juga menjadi pengukur kepada sesuatu pelaksanaan kaedah pengajaran. Selain itu, bahasa Arab masih mengekalkan momentum tersendiri untuk kekal sebagai mata pelajaran pilihan sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sebagai bahasa kedua (Khairatul Akhmar et al, 2015). Bahasa Arab tentunya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam umumnya memandangkan Islam sebagai agama rasmi negara. Di samping itu, ramai pendidik telah didatangkan dari negara-negara Timur Tengah dan ini merupakan usaha bagi memantapkan lagi pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Kesemua ini menjadi bukti yang kukuh bahawa pendidikan bahasa Arab telah dan sedang melalui fasa-fasa perubahan ke arah yang positif memandangkan semua lapisan masyarakat sama ada orang awam mahupun para penuntut ilmu bahasa ini dari peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan terhadap bahasa al-Quran ini. Secara tidak langsung, dengan adanya usaha yang berterusan ini, bahasa Arab akan terus relevan sebagai antara bahasa terpenting di Malaysia, bukan sahaja untuk tujuan ibadah atau agama, lebih luas daripada itu ia turut menyumbang kepada perkembangan sektor ekonomi, pelancongan, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah mengalami perkembangan positif di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah Jusuh, 1989). Proses perkembangan yang positif tersebut terus berlangsung sehingga kini bermula seawal peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF di sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Bagi peringkat pengajian tinggi pula, didapati banyak institusi pengajian tinggi awam menawarkan program pengajian bahasa Arab di peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan lain-lainnya. Penawaran program-program akademik berkaitan bahasa Arab di kebanyakan Universiti Awam (UA) ini menjadi bukti kepentingan bahasa ini dalam prospek yang positif di Malaysia. Selain daripada program-program akademik di UA tersebut dengan wujudnya para pelajar yang mengambil ijazah sarjana muda dalam bidang Bahasa Arab, terdapat beberapa UA yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan kepada para pelajarnya (Rosni, 2009). Antara UA tersebut ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan beberapa lagi universiti lain yang berjumlah hampir 11 buah universiti dan kolej universiti (Muhammad Sabri, et. al. 2016).

#### Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua di Malaysia

Penawaran program ijazah sarjana muda pendidikan (ISMP) di UA merupakan satu perkara baik yang perlu diberi pujian. Walau bagaimanapun, perkara lain yang lebih penting selepas wujudnya pengajian bahasa Arab di UA ialah berkenaan dengan usaha penambahbaikan program-program tersebut agar penawarannya kekal relevan dan memberi impak positif kepada pengetahuan pelajar dan prospek kerjaya mereka sebagai pendidik. Perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius bagi memastikan kelangsungan penawaran program-program ini berada pada tahap yang cemerlang. Oleh itu, proses penilaian dan penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa oleh semua pihak melibatkan kementerian, universiti dan fakulti yang berkenaan dengan mengambil kira respons daripada pelajar, orang awam dan juga pihak industri.

Pada ketika ini, program akademik ijazah sarjana muda pendidikan (ISMP) dalam pengajaran bahasa Arab sebagai Bahasa kedua diletakkan dalam bidang Pengajian Islam di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA, 2014). Penawaran program turut dilakukan berdasarkan falsafah penubuhan universiti dan fakulti yang menawarkan itu sendiri. Asas penawaran program ini adalah menghasilkan graduan bakal guru dan pendidik yang berkelayakan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara umumnya. Namun begitu, para graduan pendidikan Bahasa Arab boleh memilih haluan kerjaya sendiri jika mahu seperti pendidik di sekolah swasta, mentadbir sekolah sendiri dan sebagainya. Antara beberapa contoh Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Arab yang ditawarkan di Malaysia selain daripada UIAM:

**Jadual 1: Penawaran Program Akademik Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia**

Bil.	Nama Universiti	Nama Program Sarjana Muda dan Fakulti
1.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan (Kod Program AT 49)
2.	Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) sebelum ini dikenali sebagai KUISAS.	Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan di bawah Fakulti Pengajian Islam (MQA/PA 2496)
3.	Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	- Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian), kelulusan MQA 2018-2022 bernombor A7560.

Berdasarkan pencarian penyelidik daripada kesuluruhan laman web universiti awam di Malaysia, didapati bahawa penawaran program pendidikan Bahasa Arab adalah terhad kepada empat (4) buah universiti dan kolej universiti termasuk UIAM berbanding program pendidikan Bahasa Inggeris (TESL). Ini amat berbeza dengan program akademik sarjana muda Bahasa Arab (linguitik, sastera and komunikasi) yang lebih banyak ditawarkan oleh hampir 11 buah universiti dan kolej universiti (Muhammad Sabri, et. al. 2016). Kajian ini telah menyerlahkan lagi keperluan penawaran program ini secara lebih meluas pada masa akan datang. Keadaan ini juga memberi petunjuk jelas bahawa bidang Pendidikan Bahasa Arab mempunyai prospek untuk dikembangkan dengan lebih luas, bagi melahirkan graduan pendidikan bahasa Arab yang dinamik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kajian ini juga penting dalam mengkaji beberapa isu seperti tahap penilaian pelajar terhadap program pendidikan bahasa Arab yang ditawarkan, keberkesanannya dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bahasa, kemahiran insaniah dan prospek kemenjadian graduan sebagai guru bahasa Arab selepas bergraduasi.

#### Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji beberapa persoalan seperti berikut:

- 1- Apakah tahap kepuasan pelajar terhadap program pendidikan Bahasa Arab yang ditawarkan?
- 2- Bagaimanakah tahap persepsi pelajar terhadap potensi keberkesanan program pendidikan Bahasa Arab yang ditawarkan?
- 3- Apakah respons pelajar terhadap cadangan penambahbaikan oleh pelajar bagi memenuhi jangkaan keperluan kerjaya mereka?

#### Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan para pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengambil pengkhususan Pendidikan dalam Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (TASL) daripada tahun 1 hingga 4 di Kulliyah Pendidikan (KOED) bagi mengkaji keberkesanan dan maklum balas para pelajar terhadap program akademik yang telah ditawarkan. Responden kajian ini dipilih daripada kalangan para pelajar Bahasa Arab yang mengambil subjek Metodologi Penyelidikan EDC 3199 dalam semester 2, 2017/2018 dan semester 1, 2018/2019 yang berjumlah 99 orang. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup (close-ended) dan terbuka (open-ended) yang diadaptasi daripada kajian Muhammad Sabri et. al. (2016).

## Dapatan Kajian

Secara umumnya, dapatan kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian utama: maklumat demografi responden dan item soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup (*close-ended*) dan terbuka (*open-ended*).

### A) Maklumat Demografi

Maklumat yang dipaparkan dalam kajian ini berkaitan dengan jantina, tahun pengajian, kerakyatan dan bidang pengkhususan pelajar yang menjadi responden kajian seperti di bawah:

#### 1- Jantina:

**Jadual 2: Jantina**

Jantina	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Lelaki	22	22.2
Perempuan	77	77.8
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan seramai 77 orang (77.8%), manakala bakinya adalah pelajar lelaki seramai 22 orang sahaja (22.2%). Peratusan ini adalah normal jika dibandingkan dengan pecahan peratusan antara pelajar lelaki dan perempuan di universiti awam Malaysia.

#### 2- Tahun Pengajian:

**Jadual 3: Tahun Pengajian**

Tahun	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Pertama	22	22.4
Kedua	33	33.7
Ketiga	38	38.8
Keempat	5	5.1
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan taburan responden yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada para pelajar tahun 1 seramai 22 orang (22.4%), tahun 2 seramai 33 orang (33.7%), tahun 3 seramai 38 orang (38.8%) dan tahun 4 seramai 5 orang (5.1%). Majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar tahun pertama dan kedua.

#### 3- Kerakyatan:

**Jadual 4: Kerakyatan**

Kerakyatan	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Malaysia	99	100
Antarabangsa	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Jadual 4 menunjukkan kerakyatan responden yang terdiri daripada rakyat warganegara Malaysia yang merupakan majoriti terbesar iaitu seramai 99 orang iaitu 100%. Maklumat ini diambil bagi mengkaji dapatan kajian yang turut melibatkan pelajar antarabangsa yang belajar di UIAM, namun didapati tiada pelajar antarabangsa yang mengambil program ISMP Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua berbanding program akademik yang lain.

4- Bidang Pengkhususan Minor:

**Jadual 5: Bidang Pengkhususan Minor**

<b>Pengkhususan</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Pendidikan Islam	90	90.9
Bimbingan dan Kaunseling	0	0
Teknologi Pengajaran	9	9.1
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Jadual 5 pula menunjukkan taburan bidang pengkhususan minor pelajar yang majoritinya terdiri daripada bidang Pendidikan Islam seramai 90 orang (90.9%), manakala selebihnya adalah pelajar dalam bidang Teknologi Pengajaran (9.1%). Tiada pelajar yang mengambil pengkhususan minor dalam Bimbingan dan Kaunseling walaupun mereka diberikan kebebasan untuk memilih mana-mana pengkhususan minor yang dikehendaki.

B) Item Penilaian Pelajar Terhadap Program Akademik Sarjana Muda Bahasa Arab  
Soal selidik dalam bahagian ini melibatkan penilaian respons pelajar terhadap Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua yang ditawarkan oleh Kulliyah Pendidikan, UIAM. Responden hanya menyatakan Ya atau Tidak pada setiap item soalan dan memberikan sebab terhadap jawapan yang diberi dalam esei ringkas.

Soalan 1: Adakah bidang pengkhususan anda sekarang membantu anda bersedia untuk berkerjaya sebagai seorang pendidik?

**Jadual 6: Prospek Kerjaya**

<b>Respons</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Ya	85	85.9
Tidak	3	3.0
Tidak Pasti	11	11.1
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Jadual 6 menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar seramai 85 orang (85.9%) bersetuju bahawa bidang pengkhususan bahasa Arab yang diikuti sekarang dapat membantu mereka bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Namun begitu, responden juga turut memberikan justifikasi bagi kedua-dua jawapan yang diberikan sama ada Ya ataupun Tidak. Respons mereka dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

**Jadual 7: Respons bagi Soalan 1**

<b>Respons</b>	<b>Sebab</b>
Ya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya belajar cara mengajar lebih banyak dari saya belajar bahasa Arab dan mungkin berjaya sebagai seorang pendidik.</li> <li>• Subjek yang ditawarkan mengandungi asas asas sebagai seorang pendidik. Begitu juga dengan subjek pengkhususan bertepatan dengan silibus pelajar di sekolah menengah.</li> <li>• Mempelbagaikan bidang ilmu dan kemahiran guru.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bidang pengkhususan ini membantu untuk bersedia sebagai pendidik kerana bidang ini merangkumi pelbagai aspek seperti sejarah pendidikan dan akhlak, pembelajaran, kokurikulum dan sebagainya. Selain itu, bidang ini mengajar bakal pendidik untuk tabah menghadapi cabaran seperti berfikir aras tinggi dan mengajar cara mengawal diri apabila berdepan dengan pelajar sekolah.</li> <li>• Subjek yang ditawarkan membantu.</li> <li>• Banyak pembentangan dan metode pengajaran diajar dlm kelas sekaligus membantu kami sebagai bakal guru.</li> <li>• Subjek yang sediakan sangat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan metode yang sangat berkesan.</li> <li>• Subjek yang diajar menepati piawaian Kementerian Pendidikan Malaysia.</li> <li>• Terdapat subjek mengajar cara membina pelan pengajaran dan pengurusan kelas.</li> </ul>
Tidak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan silibus dan juga lambakan tajuk dalam satu subjek menyebabkan tidak dapat dihadam dengan baik.</li> <li>• Tugas yang diberi kurang membantu dalam persediaan cara mengajar yang relevan untuk pelajar sekolah.</li> <li>• Fokus subjek lebih kepada pendidikan dan kurang menekankan tentang bahasa Arab sendiri kerana saya sendiri merasakan bahawa penghayatan bahasa Arab itu kurang.</li> <li>• Masih ketinggalan dari segi subjek bahasa Arab itu sendiri.</li> <li>• Walaupun saya sudah tahun 2, dan akan masuk tahun 3, penguasaan bahasa Arab dari segi percakapan dan penulisan masih di tahap tidak memuaskan.</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 7 di atas, didapati para pelajar mempunyai respons yang pelbagai dan bercampur-campur antara positif dan negatif. Antara isu yang diluahkan oleh mereka adalah keyakinan berbahasa dan peluang mempraktikkan kemahiran berbahasa terutamanya dalam kemahiran bercakap, prospek kerjaya selepas bergraduasi, teknik pengajaran subjek dan kandungan kursus akademik yang perlu ditambah baik.

Soalan 2: Sejauh manakah Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (TASL) dapat memenuhi keperluan kerjaya para pelajar?

**Jadual 8: Memenuhi keperluan kerjaya para pelajar**

<b>Respons</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Ya	77	77.8
Tidak	2	2
Tidak Pasti	20	20.2
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Jadual 9 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

**Jadual 9: Respons bagi Soalan 2**

<b>Respons</b>	<b>Sebab</b>
Positif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan isi dalam kursus TASL boleh diaplikasikan sesuai dgn keperluan semasa sebagai pengajar seperti subjek psikologi dan 'ethics'.</li> <li>• Membekalkan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan dasar berkenaan bahasa Arab itu sendiri di samping membekalkan pelajar dengan ilmu untuk menjadi seorang guru.</li> <li>• Tidak dapat bertutur dalam bahasa Arab dengan fasih kerana banyak subjek dalam bahasa Inggeris dan pensyarah tidak bercakap Arab sepenuhnya.</li> <li>• Program Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua (TASL) dapat memenuhi kerjaya para pelajar kerana, pelajar dapat belajar selaras dgn kurikulum yang disediakan oleh KPM.</li> </ul>
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya tidak merasakan sebarang peningkatan sepanjang saya di ijazah berbanding saya di sekolah</li> <li>• Berdasarkan pengalaman saya, ada pensyarah yang terlalu fokus membincangkan tentang teknik pengajaran bahasa arab dan perancangan silibus buku teks yang digunakan di negara - negara Arab berbanding dengan apa yang digunakan di Malaysia. Ada baiknya juga, tapi kami juga perlu didedahkan dengan kaedah pengajaran bahasa Arab di Malaysia seiring dengan sistem KSSM yang digunakan sekarang agar kami dapat mengaplikasikannya ketika menjalani praktikum 2.</li> <li>• Perlukan subjek-subjek yang lebih menyediakan kami bukan sahaja utk menjadi guru yang mahir dalam bahasa Arab itu sendiri.</li> </ul>

Soalan 3: Sejauh subjek-subjek (courses) yang ditawarkan oleh Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (TASL) dapat memenuhi keperluan kerjaya para pelajar?

Jadual 10 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

**Jadual 10: Kepuasan Pelajar**

<b>Respons</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Setuju	75	75.8
Tidak Setuju	6	6.1
Tidak Pasti	18	18.2
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

**Jadual 11: Respons bagi Soalan 3**

<b>Respons</b>	<b>Sebab</b>
Positif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan subjek membantu tetapi perlukan penambahbaikan.</li> <li>• Saya berpuas hati dengan subjek-subjek yang</li> </ul>

	<p>ditawarkan dan berharap dapat diaplikasikan semasa di sekolah nanti.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjek yang ditawarkan sangat relevan dan memenuhi keperluan kerjaya.</li> </ul>
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya perlukan lebih banyak pelajaran bahasa Arab sehingga saya mampu menjawab soalan-soalan yang bakal dilontarkan oleh pelajar saya</li> <li>• Ada beberapa subjek yang tidak berkaitan dengan keperluan kerjaya pelajar. Contoh, 'Arabic Lexicography' dan 'Tools for Thinking'.</li> <li>• Subjek-subjek pendidikan tersebut perlulah diajar dalam bahasa Arab agar penguasaan bahasa arab pelajar TASL lebih baik berbanding bahasa Inggeris</li> <li>• Ada sesetengah subjek yang tidak penting seperti 'Learning Language Skills' dimana kami belajar benda yang sama seperti subjek nahu.</li> <li>• Sesetengah subjek tidak sesuai untuk pelajar TASL seperti subjek 'Testing and Assessment', 'Lexicography', 'Tools of Thinking' dan 'Linguistics'.</li> <li>• Perlunya untuk pelbagaikan lagi cara pembelajaran agar lebih menarik seperti kursus TESL dan ARCOM di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan UIAM.</li> </ul>

Soalan 4: Adakah anda berpuashati dengan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (TASL) yang ditawarkan oleh Kulliyah Pendidikan UIAM.

Jadual 11 menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar seramai 83 orang (83.8%) berpuas hati dengan bidang pengkhususan (linguistik/sastera) yang ditawarkan. Namun begitu, responden juga turut memberikan justifikasi bagi kedua-dua jawapan yang diberikan sama ada Ya ataupun Tidak. Respons mereka dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

**Jadual 12: Kepuasan Pelajar**

Respons	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Ya	83	83.8
Tidak	7	7.1
Tiada Jawapan	9	9.1
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

**Jadual 13: Respons bagi Soalan 4**

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlunya lagi kepada penambahan tenaga pengajar dan mengekalkan yang sedia ada kerana mereka cukup mahir dan bagus.</li> <li>• Tenaga pengajar yang begitu kreatif dan kemas dalam mengajar dan membuatkan pelajar bersedia untuk menyiapkan diri untuk mengajar.</li> <li>• Pelajar diajar oleh guru yang terlatih dan hebat.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar di kulliyah mempunyai masa yang agak lama iaitu 4 tahun utk menghabiskan ijazah.</li> </ul>
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya rasa tahap pembelajaran bahasa arab TASL adalah lebih rendah berbanding kursus lain di kulliyah. Dan saya kurang berpuas hati apabila pelajaran dalam 'English' saya lebih banyak berbanding bahasa Arab.</li> <li>• Subjek-subjek pendidikan dan minor kebanyakan diajar dalam bahasa Inggeris, oleh itu pelajar banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Arab</li> <li>• Masih ada perkara-perkara yang perlu dikemaskini terutamanya Study Plan TASL bagi memudahkan pelajar-pelajar untuk memilih subjek</li> <li>• Pelajar masih lagi lemah menguasai kemahiran bertutur, membaca ,menulis dengan kaedah yang betul.</li> <li>• Suasana bercakap dlm bhs arab dalam kelas perlu diwajibkan</li> <li>• Jangan menetapkan penghususan minor kami untuk Pendidikan Islam sahaja, kerana kami juga mahukan kebebasan utk memilih minoring kami sendiri seperti bidang IT.</li> </ul>

Soalan 5: Bidang pengkhususan anda sekarang membantu anda bersedia dari segi kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab untuk berkerjaya kelak?

**Jadual 14: Kepuasan Pelajar**

<b>Respons</b>	<b>Kekerapan (N)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Setuju	71	71.7
Tidak Setuju	11	11.1
Tidak Pasti	17	17.2
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Jadual 15 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

**Jadual 15: Respons bagi Soalan 5**

<b>Respons</b>	<b>Sebab</b>
Positif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dalam kelas dan tugas yg diberikan membantu melatih kemahiran ini</li> <li>• Kami dilatih di dalam lakonan teater bagi subjek-subjek tertentu. Kami juga dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang telah diajarkan</li> <li>• Mungkin boleh adakan subjek 'public speaking' sebagai kelas khas untuk bercakap.</li> </ul>
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peluang komunikasi dalam kelas amat sedikit ditambah dengan pelajaran bahasa arab yang sedikit.</li> <li>• Pelajar sendiri tidak mengambil inisiatif lain.</li> <li>• Perlu wujudkan kelas 'speaking skill' untuk memantapkan kemahiran bercakap.</li> <li>• Tidak semua subjek yang diteloh oleh pelajar</li> </ul>

	<p>menyediakan medium untuk mereka mengaplikasi kemahiran berbahasa Arab.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya masih tidak mempunyai keyakinan untuk membaca dan bercakap dalam bahasa arab disebabkan oleh faktor kekurangan kosa kata dan pengetahuann nahu yang masih belum memenuhi tahap yang memuaskan</li> </ul>
--	--

Soalan 6: Adakah bidang pengkhususan anda sekarang membantu anda bersedia dari segi kemahiran insaniah (*softskills*) seperti IT, keusahawanan, kerja berpasukan, perhubungan awam, pemikiran kritis dan lain-lain untuk berkerjaya kelak?

Jadual 16 menunjukkan respons pelajar dalam soalan ini agak ketara di antara Ya (75.8%) dan Tidak (11.1%). Namun begitu, responden juga turut memberikan justifikasi bagi kedua-dua jawapan yang diberikan sama ada Ya ataupun Tidak. Respons mereka dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

**Jadual 16: Membantu Kemahiran Insaniah dan Berkerjaya**

Respons	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Ya	75	75.8
Tidak	11	11.1
Tiada Jawapan	13	13.1
<b>JUMLAH</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

**Jadual 17: Respons bagi Soalan 7**

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada sesetengah subjek yang menggunakan kemahiran IT, kerja berpasukan dan pemikiran kritis manakala kami kurang didedahkan dengan kemahiran keusahawanan.</li> <li>• Ada juga subjek yg mendorong kami untuk berfikiran kritis dan kreatif serta mencungkil bakat kami dalam bidang teknologi seperti pembikinan video dan lain-lain.</li> <li>• Kemahiran 'soft skill' diperoleh apabila pelajar melakukan tugas secara berkumpulan</li> <li>• Oleh kerana saya mengambil Intstuctional Technology sebagai pengkhususan minor saya di fakulti pendidikan di UIAM, alhamdulillah kemahiran2 tersebut dapat saya perolehi sedikit demi sedikit.</li> </ul>
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'Assessment' yang dijalankan hanya berlangsung terhad di dalam kelas sahaja. Namum 'softskills' boleh didapati apabila pelajar menyertai kelab dan persatuan.</li> <li>• Pilihan pengkhususan minor sudah ditetapkan untuk setiap program akademik.</li> </ul>

Soalan 7: Apakah cadangan anda untuk penambahbaikan kursus atau subjek yang ditawarkan? Nyatakan jawapan anda.

Jadual 18 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada beberapa tema utama seperti di bawah:

**Jadual 18: Respons bagi Soalan 8**

<b>Respons</b>	<b>Sebab</b>
Aktiviti Pembelajaran Dalam Kelas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperbanyakkan tugasan praktikal dalam kelas.</li> <li>• Peningkatkan kursus kemahiran bahasa.</li> <li>• Fokuskan penilaian kemahiran bertutur dan menulis berdasarkan individu.</li> <li>• Mewajibkan semua pelajar TASL untuk berkomunikasi dalam bahasa arab di dalam kelas pengajaran mereka termasuk mereka sendiri tanpa mengunakan bahasa pengantara atau bahasa ibunda.</li> </ul>
Menambahbaik 'Study Plan'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurang jumlah kursus pengkhususan minor.</li> <li>• Kursus pengkhususan pendidikan dan minor diajar dalam bahasa Arab.</li> <li>• Memansuhkan peperiksaan bagi kursus yang tidak perlu seperti Kaedah Penyelidikan.</li> <li>• Beberapa kursus bahasa Arab perlu semakan semula (academic areview).</li> <li>• Gabungkan subjek-subjek yang sesuai digabungkan bagi mengurangkan jam kredit yang perlu diambil</li> <li>• Kurangkan subjek yang menggunakan bahasa inggeris. Ataupun buat subjek tersebut dalam bahasa Arab contohnya subjek 'testing'.</li> </ul>
Sokongan Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambahbaik tenaga pengajar sedia ada.</li> <li>• Mangadakan kelas penggunaan software/apps arab seperti kamus, buku rujukan dan lain-lain yang membantu proses P&amp;P.</li> <li>• Menganjurkan kelas keusahawanan untuk para pelajar pada semester pendek.</li> </ul>

### **Perbincangan dan Rumusan Dapatan**

Berdasarkan dapatan di atas, didapati bahawa aspek-aspek tertentu dalam program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua di Kulliyah Pendidikan UIAM memerlukan beberapa penambahbaikan bagi memantapkan lagi keberkesanan program akademik ini. Walaupun secara keseluruhannya didapati bahawa para pelajar berpuas hati dengan program yang ditawarkan dan mereka turut menyenaraikan beberapa aspek kelemahan program yang perlu diambil perhatian oleh pihak jabatan, kulliyah dan universiti.

Antara penambahbaikan terhadap kurikulum program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua ini yang dapat disimpulkan adalah seperti berikut:

a) Semakan kurikulum

Melakukan semakan kurikulum dan rombakan terhadap subjek tertentu dan silibus yang ditawarkan dalam 'study plan'. Contohnya dengan menseimbangkan di antara kursus pengkhususan bahasa Arab dalam konteks 'knowledge content' dan kursus teras program

pendidikan dalam konteks 'pedagogical content' supaya dapat melahirkan bakal graduan guru yang kompeten dalam bahasa Arab dan pedagogi. Bagi memenuhi peratusan kursus yang terdapat dalam Standard Program Pendidikan MQA, kursus yang ditawarkan perlulah dirancang dan dirangka dengan berkesan supaya memenuhi keperluan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjadi seorang guru.

b) Menambah baik kaedah P&P sedia ada

Menambah baik kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran dalam kelas dengan kaedah praktikal terutamanya dalam kemahiran berbahasa seperti bertutur dan menulis. Ini amat penting bagi memastikan bakal graduan guru terlatih mahir dalam kemahiran produktif bahasa iaitu bertutur dan menulis. Untuk memantapkan 2 kemahiran ini, maka kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran dalam kelas perlu dijalankan dengan teratur supaya graduan guru tidak hanya mampu mendengar dan membaca sahaja dalam bahasa Arab.

c) Mempertingkatkan kualiti tenaga pengajar

Mempertingkatkan kualiti tenaga pengajar sedia ada dengan menambah pensyarah yang berkelayakan atau memberikan latihan tambahan dari segi teknik pengajaran yang lebih terkini dan menarik. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, kewujudan tenaga pengajar daripada penutur jati amatlah penting bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang asli dan natural dalam kalangan penuntut bukan penutur asli bahasa Arab.

d) Menambahbaik kaedah pentaksiran dan penilaian

Menambahbaik kaedah penilaian dalam kelas dengan memperbanyakkan aktiviti yang menjana kemahiran bahasa dan insaniah seperti tugas, persembahan dan aktiviti berkumpulan. Aktiviti pembelajaran berkumpulan sangat baik bagi memastikan pelajar dapat menonjolkan bakat dan kelebihan yang ada dan dapat belajar daripada sesame rakan sebaya. Aktiviti ini juga dapat membantu para pensyarah mengesan pelajar yang memerlukan perhatian khusus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjadi seorang guru.

f) Mengadakan aktiviti ko-kurikulum

Mengadakan aktiviti ko-kurikulum di luar kelas seperti aktiviti pengayaan bahasa melalui 'public speaking', debat bahasa Arab, dan bengkel kemahiran tambahan seperti IT, keusahawanan, dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat meningkatkan lagi kemahiran bertutur luar kelas dengan cara menggunakan bahasa Arab sebagai medium pembelajaran sebagai tambahan aktiviti bertutur bahasa Arab di dalam kelas.

## Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini telah meneroka respons para pelajar terhadap keberkesanan sebuah program akademik Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua yang ditawarkan oleh Kulliyah Pendidikan UIAM. Dapatan ini amat berguna dalam proses menambah baik semakan kurikulum program yang dilaksanakan oleh pihak jabatan dan UIAM secara khususnya, namun dapat juga dimanfaatkan oleh jabatan dan program akademik bahasa Arab di universiti-universiti yang lain. Namun begitu, tidak semua cadangan dapat dilaksanakan seperti mengajarkan kursus-kursus wajib pendidikan dalam bahasa Arab disebabkan kekangan jumlah tenaga pengajar sedia ada dan peruntukan universiti dalam penganbalian pensyarah baru. Maklumat yang diperolehi dari kajian ini dapat menambah baik, mengemas kini dan menilai semula proses pembelajaran dan pengajaran. Ini

memastikan supaya program tersebut berdaya saing dengan program yang ditawarkan di universiti lain. Kajian ini juga membantu pengkaji dan penggubal kurikulum yang ingin memahami dan melihat semula (*reflect*) proses serta perjalanan sistem pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua di universiti awam.

## Rujukan

- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wahab Zakaria & Nur Shuhadak Mohd Shamsuddin. 2015. Tawajjuh ataulah Maliziya fi al-hifaz 'ala hawiyyah al-lughat al-Arabiyyah wa hadharatiha. *Majallah Jami'ah al-Quds al-Maftuhah li al-Abhath wa al-Dirasat*, 32, 2, 341-362.
- Fatimi S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute LTD.
- Khairatul Akhmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairuzaman Kadir, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Khazri Osman, Ummu Hani Hashim & Nur Syazwina Mustapa. 2012. *Keberkesanan Kem Bahasa Arab dalam Meningkatkan Tahap Motivasi dan Keyakinan Pelajar*. Dlm. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 116-129, 19 Mei.
- Nur Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed & Rosfaszlizah Zahit. 2006. *Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang: Satu Kajian dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran*. Dlm. Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVE06), 9-10 Disember.
- Malaysian Qualification Agency. 2014. Education Programme Standard. URL: [http://www2.mqa.gov.my/QAD/garis panduan/Education%20Program%20Standard%20\(EPS\).pdf](http://www2.mqa.gov.my/QAD/garis panduan/Education%20Program%20Standard%20(EPS).pdf)
- Mohammad Seman. 2015. "Pengalaman dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Malaya (UM)". Dlm. Zamri Arifin & Zainuddin Ismail (pynt.). *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. 2012. *Pemanfaatan Kosa Kata Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan Dari Sudut Semantik*. Kertas kerja International Conference on Social Sciences and Humanities, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Disember.
- Muhammad Sabri Sahrir, Nurkhamimi Zainuddin & Mohd Shahrizal Nasir. 2016. Program Akademik Bahasa Arab Ijazah Sarjana Muda Di Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia (UIAM): Analisis Awal Terhadap Respons Pelajar. e-ISSN: 2289-8042 Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol 3 Bil 2 (2016), 32-49.

Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Rosni Samah. 2015. "Pengalaman dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)". Dlm. Zamri Arifin & Zainuddin Ismail (pynt.). *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Arifin. 2015. "Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)". Dlm. Zamri Arifin & Zainuddin Ismail (pynt.). *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.